

Buku Log Pengakap



Gambar

Nama :

Kelas :

Nama Sekawan :

Maklumat Peribadi Ahli

Tahun 4 (_____)

Maklumat Asas

Nama Penuh : _____

No. SB / KP : _____

Tarikh dan Tempat Lahir : _____

Alamat e-mail / url : _____

Alamat surat menyurat : _____

Maklumat Kepengakapan

Tarikh Mula Berpengakap : _____

Nama Sekawan / Patrol : _____

Nama & alamat sekolah : _____

Daerah : _____

Maklumat Waris dan Alamat Perhubungan

Nama Bapa/ Penjaga : _____

Pekerjaan Bapa / Penjaga : _____

No. telefon bapa / penjaga : _____

Nama Ibu/ Penjaga : _____

Pekerjaan Ibu / Penjaga : _____

No. telefon ibu / Penjaga : _____

Maklumat Peribadi Ahli

Tahun 5 (_____)

Maklumat Asas

Nama Penuh : _____

No. SB / KP : _____

Tarikh dan Tempat Lahir : _____

Alamat e-mail / url : _____

Alamat surat menyurat : _____

Maklumat Kepengakapan

Tarikh Mula Berpengakap : _____

Nama Sekawan / Patrol : _____

Nama & alamat sekolah : _____

Daerah : _____

Maklumat Waris dan Alamat Perhubungan

Nama Bapa/ Penjaga : _____

Pekerjaan Bapa / Penjaga : _____

No. telefon bapa / penjaga : _____

Nama Ibu/ Penjaga : _____

Pekerjaan Ibu / Penjaga : _____

No. telefon ibu / Penjaga : _____

Maklumat Peribadi Ahli

Tahun 6 (_____)

Maklumat Asas

Nama Penuh : _____

No. SB / KP : _____

Tarikh dan Tempat Lahir : _____

Alamat e-mail / url : _____

Alamat surat menyurat : _____

Maklumat Kepengakapan

Tarikh Mula Berpengakap : _____

Nama Sekawan / Patrol : _____

Nama & alamat sekolah : _____

Daerah : _____

Maklumat Waris dan Alamat Perhubungan

Nama Bapa/ Penjaga : _____

Pekerjaan Bapa / Penjaga : _____

No. telefon bapa / penjaga : _____

Nama Ibu/ Penjaga : _____

Pekerjaan Ibu / Penjaga : _____

No. telefon ibu / Penjaga : _____

GURU PENASIHAT PENGAKAP TAHUN 2018

PENASIHAT	: TN. HJ. AZMI BIN HJ. ISMAIL
PK KO-KURIKULUM	: PN. SAMSI AH BINTI HUSIN
KETUA GURU PENASIHAT	: PN. NORHANIM BINTI BASIRAN
PEN. KETUA GURU PENASIHAT	: PN. YUSNITA BINTI ABDUL RAHMAN
GURU-GURU PENASIHAT	: SYERIDA HELMY BINTI ABDULLAH HALIM
	: MOHAMMAD FIRDAUS BIN ABDUL RAHMAN
	: WAN ROSLIZA BINTI WAN ISMAIL
	: SUPHI BIN TOMINO
	: OLI OSMIZA BINTI OTHMAN
	: NORAZIZAH BINTI OTHMAN
	: NORSHAHIDA BINTI MD RAZAMI
	: ARNIZA BINTI ABDUL HAMID
	: ZAINAB BINTI ABIDIN
	: NURUL ZAMZAM BIN MD JAIS
	: MUHAMMAD FADLEE BIN ABDULLAH SANI
	: FAEZATUN JAM'IE BINTI DARUS

AJK MURID PENGAKAP TAHUN 2018

PENGERUSI	: MUHAMMAD IQBAL AMSYAR B NOOR FAIZ
NAIB PENERUSI	: NUR UMI AISYAH BT LEMAN
SETIAUSAHA	: MUHAMMAD ADAM B MAHATHIR
NAIB SETIAUSAHA	: IMAN MAISARAH BT MOHD NIZAMUDIN
BENDAHARI	: SHARON MOHAN A/P CHANDRA MOHAN
AJK TAHUN 6	: FERHAD DARWISH B MOHD RAZI
	: NUR FAR'AIN BT HAMZAH
AJK TAHUN 5	: MUHAMMAD IMAN FITRI B SHAMSUL YUZLI
	: NUR SAFIYAH IZZATI BT SHAMSUDDIN
AJK TAHUN 4	: MUHAMMAD FIRMAN THAQEEF B MUHAMMAD FIRDAUS
	: AINA DELISHA BT MOHD SUHAIMI

GURU PENASIHAT PENGAKAP TAHUN _____

[illegible]

AJK MURID PENGAKAP TAHUN _____

PENGERUSI	:	_____
NAIB PENERUSI	:	_____
SETIAUSAHA	:	_____
NAIB SETIAUSAHA	:	_____
BENDAHARI	:	_____
AJK TAHUN 6	:	_____
	:	_____
AJK TAHUN 5	:	_____
	:	_____
AJK TAHUN 4	:	_____
	:	_____

GURU PENASIHAT PENGAKAP TAHUN _____

[illegible]

AJK MURID PENGAKAP TAHUN _____

PENGERUSI	:	_____
NAIB PENERUSI	:	_____
SETIAUSAHA	:	_____
NAIB SETIAUSAHA	:	_____
BENDAHARI	:	_____
AJK TAHUN 6	:	_____
	:	_____
AJK TAHUN 5	:	_____
	:	_____
AJK TAHUN 4	:	_____
	:	_____

ISI KANDUNGAN

1.	Sejarah Pergerakan Pengakap	9
2.	Lambang Pengakap Malaysia	11
3.	Lambang Pengakap Sedunia	11
4.	Persetiaan Pengakap	12
5.	Undang-undang Pengakap	12
6.	Tabik dan Hormat Pengakap	14
7.	Cogankata Pengakap	14
8.	Laung Agung	16
9.	Cerita Hutan	17
10.	Lagu-lagu Pengakap	19
11.	Simpulan dan Ikatan	23
12.	Cara Mendapatkan Lencana	29
13.	Kedudukan Lencana pada Uniform	30
14.	Lencana Wajib / Kepandaian	31
15.	Lencana Keris Gangsa	41
16.	Pengesahan Lencana Keahlian Pengakap	46
17.	Pengesahan Lencana Kepandaian Pengakap	47
18.	Senarai semak modul Lencana Keris Gangsa Pengakap	48
19.	Pengesahan Lencana Keris Gangsa	51
20.	Pengesahan Lencana Kegemaran	52

SEJARAH PERGERAKAN PENGAKAP

Sejarah Pengakap Dunia telah bermula pada tahun 1907 di Pulau Brownsea, England. Pergerakan Pengakap bermula apabila satu perkhemahan untuk budak-budak lelaki di pulau berkenaan. Perkhemahan ini telah diilhamkan oleh Robert Stephenson Smith Baden Powell yang merupakan seorang Bekas Mejar Tentera British yang penuh pengalaman dari medan pertempuran.

Secara tidak langsung, bermula sejarah pergerakan pengakap dunia. Dengan kejayaan menganjurkan perkhemahan untuk budak lelaki, beliau telah mencetuskan pelbagai idea dan pengalaman untuk budak-budak melalui penerbitan buku " Scouting For Boys " yang dikarang oleh beliau sendiri.

Pergerakan Pengakap telah tersebar luas melalui peneroka dan pedagang British. Tanpa diduga, pergerakan pengakap telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada negara-negara Eropah, Asia dan Amerika dalam masa beberapa tahun sahaja ia ditubuhkan. Beliau telah mengelilingi dunia pada tahun 1912 untuk menemui beberapa pergerakan pengakap di seluruh dunia. Pada tahun 1920, Jambori Pengakap Dunia yang pertama telah diadakan di Olympia, London.

Disinilah beliau telah dilantik sebagai Ketua Pengakap Dunia manakala kerajaan British menganugerahkan " Lord Baden Of Gillwell " kepada beliau. Banyak pingat kebesaran negara pengakap telah beliau perolehi diatas sumbangan beliau mewujudkan pergerakan pengakap. Pada tanggal 8 Januari 1941, beliau telah meninggal dunia di Paxtu, Kenya sebelum sempat menyambut ulangtahun ke 84.

Biodata BP

Nama Penuh : Robert Stephenson Smith Baden Powell

Nama Singkatan : BP

Tarikh Lahir : 22 Februari 1857

Tempat Lahir : London, England

Pendidikan Awal : Charter House, London

Pekerjaan : Bekas Mejar Tentera British

Nama Bapa : Reverend H.G Baden Powell

Nama Isteri : Lady Olive Baden Powell

Tarikh Meninggal Dunia : 8 Januari 1941

Sejarah Pengakap Di Malaysia


Pergerakan Pengakap di Malaysia bermula pada tahun 1910 di Singapura dimana pengasasnya adalah F.C Sands seorang peneroka British. Sebelum itu, beberapa percubaan telah dibuat di Pulau Pinang (1908) dan Selangor (1909) tetapi gagal.

Bermula disini, Pergerakan Pengakap telah berkembang pesat dimana kesemua negeri di Tanah Melayu dan Borneo telah memiliki sekurang-kurangnya satu pasukan pengakap pada ketika itu. Berikut adalah senarai pengasas pergerakan pengakap di negeri-negeri Melayu dan Borneo.


1. F.C Sands di Singapura (1910)
2. H.R Cheesman di Pulau Pinang (1915) dan Johor (1928)
3. I.R Wheeler di Perak (1926)
4. E.C Hicks, A.G Stuart, R.P.S Walker dan C. Bloomfield di Kedah (1922)
5. R. Brunnston di Melaka (1925)
6. Bird dan Roger Smith di Negeri Sembilan (1925)
7. Ameen Akhbar di Selangor (1926)
8. A.J Cracle di Terengganu (1926)
9. Y.M Tengku Ahmad Temenggung di Kelantan (1927)
10. Perlis dibawah naungan Kedah (1931)
11. Rev Canon Thomas Cecil Alexender di Sabah (1913)
12. Sarawak (1915)

Persekutuan Budak Pengakap Tanah Melayu telah ditubuhkan selepas Perang Dunia Ke-2. Persekutuan Budak Pengakap Tanah Melayu telah menjadi ahli penuh Persidangan Pengakap Sedunia pada 1 Sepetember 1957. Persekutuan Budak Pengakap Tanah Melayu telah bertukar nama kepada Persekutuan Budak Pengakap Malaysia dimana dianggotai Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak pada tahun 1964. Pada tahun Ogos 1965, Singapura telah keluar daripada Persekutuan Budak Pengakap Malaysia sejajar dengan Singapura keluar dari gagasan Malaysia.

LAMBANG PENGAKAP MALAYSIA




LAMBANG PENGAKAP SEDUNIA




PERSETIAAN PENGAKAP



UNDANG-UNDANG PENGAKAP



TABIK DAN HORMAT PENGAKAP



COGANKATA PENGAKAP



LAUNG AGUNG

Laung Agung merupakan:

1. Tradisi dalam Istiadat Pengakap Kanak-Kanak.
2. Diamalkan di seluruh dunia.
3. Mengingatkan Pengakap Kanak-Kanak supaya 'BUAT HABIS BAIK'
4. Untuk menghormati tetamu.
5. Melahirkan semangat setiakawan,perpaduan serta membina disiplin.

Bila diadakan?

1. Setiap kali diadakan perjumpaan
2. Setiap kali semasa menamatkan perjumpaan.

ISTIADAT LAUNG AGUNG

1. AKELA (Pemimpin) berteriak "PEK....." (semua PKK berdiri dalam keadaan sedia)
2. AKELA (Pemimpin) berteriak "PEK,PEK,PEK...." (semua PKK mengelilingi AKELA sambil menyahut "P...E....K....")
3. AKELA memerintah PKK membentuk satu bulatan besar dengan memegang tangan. Bila bulatan telah sempurna PKK menjatuhkan tangan.
4. AKELA mendepakan tangan >>> PKK mengangkat tumit.
5. AKELA merapatkan tangan ke paha>>
 - a) PKK mencangkung.
 - b) Kedua belah tangan mencecah ke tanah.
 - c) Kepala dilangutkan dan terus berkata>> 'A K E L A, KITA BUAT HABIS BAIK.
 - d) Selepas sebutan "BAIK" PKK bangun dalam keadaan sedia.
6. Petugas mencabar dengan hormat Kepada AKELA dengan kata-kata:- 'KAMU BUAT HABIS BAIK'
7. Semua PKK hormat AKELA dengan menjawab 'KAMI BUAT HABIS BAIK'
8. AKELA membalas hormat PKK.
9. PKK menjatuhkan tangan setelah AKELA selesai memberi hormat.

CERITA HUTAN

Ada suatu adat Kumpulan Serigala yang tinggal di hutan itu. Apabila anak-anak serigala sudah agak besar, mereka mestilah ditunjukkan kepada semua anggota Kumpulan. Mereka mengadakan Sidang Kumpulan sebulan sekali pada malam bulan purnama di kawasan berbatu-batu yang dipanggil Batu Sidang. Di sinilah nasib anak-anak serigala ditentukan, sama ada diterima sebagai anggota Kumpulan atau sebaliknya.

Apabila seekor anak serigala sudah diterima sebagai anggota Kumpulan, tidak seekor serigala lain pun boleh membunuhnya, dan jika ada yang membunuh, hukumannya ialah bunuh juga. Bapa Serigala menunggu sehingga anak-anaknya termasuk Mowgli, sudah boleh berlari-lari. Kemudian, pada suatu malam bulan purnama, Bapa dan Ibu Serigala pun membawa anak-anak mereka ke Batu Sidang itu.

Apabila semua anggota Kumpulan sudah berada di situ dengan anak masing-masing, Ketua Kumpulan, seekor Serigala Jantan yang gagah lagi bijaksana bernama Akela, mula menyuruh ibu-ibu serigala menunjukkan anak masing-masing untuk dilihat oleh anggota-anggota Kumpulan. Akhirnya tibalah kepada giliran Mowgli. Dia sedikit pun tidak menunjukkan rasa takut sebaliknya bergurau dengan anak-anak serigala lain seolah-olah dia pun serigala juga.

Apabila Akela menyuruh anggota-anggota Kumpulan melihat Mowgli dan membuat keputusan, tiba-tiba Shere Khan mengaum dari belakang batu besar. "Anak manusia milikku. Berikan dia kepadaku semula kerana anak manusia tidak layak hidup bersama kumpulan Serigala!" katanya. Setelah senyap seketika, mulalah beberapa ekor anak serigala yang sudah agak dewasa menyatkan rasa tidak setuju mereka menerima Mowgli.

Mengikut Undang-undang Hutan, apabila timbul perselisihan begitu, dua anggota Kumpulan yang bukan ibu atau bapa kepada anak serigala itu mestilah bercakap menyokongnya baru dia diterima menjadi anggota Kumpulan. "Siapakah antara anggota Kumpulan yang bersedia menyokong?" tanya Akela, Ketua Kumpulan. Tidak seekor pun anggota Kumpulan itu bersuara dan Ibu Serigala pun bersedialah hendak bertempur bermati-matian untuk mempertahankan Mowgli.

Seekor binatang lain yang bukan anggota Kumpulan itu tetapi dibenarkan bercakap dalam Sidang Kumpulan ialah Baloo, seekor beruang tua yang menjadi guru mengajar

anak-anak serigala Undang-undang Hutan. Setelah tidak ada serigala yang lain bercakap, Baloo berdiri di tempatnya di belakang Batu Sidang dan menyokong supaya Mowgli diterima sebagai anggota Kumpulan. Dia sendiri berjanji akan mengajar Mowgli. Tetapi Mowgli memerlukan lagi satu suara menyokongnya.

Ketika Akela meminta sokongan lagi, Bagheera, seekor Harimau Kumbang yang tangkas tetapi baik hati, tiba-tiba bercakap. Walaupun dia tidak berhak bersuara, tetapi mengikut Undang-undang Hutan, nyawa seekor anak serigala boleh ditebus dengan seekor buruan. Dia akan menghadiahkan seekor lembu jantan yang baru dibunuhnya dan disembunyikan tidak jauh dari situ untuk menebus nyawa Mowgli supaya diterima sebagai anggota Kumpulan.

Anggota-anggota Kumpulan segera bersetuju menerima Mowgli sebagai anggota apabila mendengar hadiah lembu jantan yang ditawarkan oleh Bagheera itu. Mereka turun dari bukit dan pergi beramai-ramai mendapatkan buruan itu dan tinggalah Akela, Bagheera, Baloo dan keluarga Mowgli saja di Batu Sidang itu. Shere Khan mengaum lagi sekuat hatinya, terlalu marah kerana budak itu tidak diserahkan kepadanya. Tetapi Akela berkata keputusan itu amat baik kerana manusia dan anak mereka memang baik dan Mowgli akan dapat memberi pertolongan kepada suatu hari kelak.

LAGU-LAGU PENGAKAP

Lagu Rasmi Persekutuan Pengakap Malaysia

Kami Pengakap Malaysia
Harapan nusa dan bangsa
Berikrar setia
Pada pertiwi tercinta

Melatih generasi muda
Menjadi insan yang berguna
Persetiaan pengakap
Teras dipegang bersama

Menolong orang setiap masa
Menabur bakti di mana sahaja
Demi Tuhan, Raja dan negara

Berbudi, bersaudara
Taat, menurut perintah
Kami bangga junjung cita-cita
Pengakap Malaysia

Kami bangga junjung cita-cita
Pengakap, Pengakap Malaysia

Undang-Undang Pengakap

Dipercayai taat berguna
Bersaudara berbudi
kasihkan binatang
Menurut perintah
Tabah hati, berjima
Suci fikiran
Suci perkataan
Suci perbuatan

Tanya Sama Pokok

Tanya sama pokok
Apa sebab goyang
Nanti jawab pokok
Angin yang goncang
Apa sebab goncang
Nanti jawab angin
Langit nak hujan
Tanya sama langit
Apa sebab hujan?
Nanti jawab langit
Tanyalah awan
Awan nanti kata
Aku kandung air
Sampai tempat sejuk
Aku pun cair
Tengok dalam air
Nampak bayang-bayang
Campak satubatu
Bayangpun hilang

Bertemu Dan Berpisah

Bertemua dan berpisah
Adat manusia biasa
Hilang di mata tapi di hati tidak lupa
Berdoalah kita gar aman dan sentosa
Semoga dapat kita berjumpa di lain masa
Semoga dapat kita berjumpa di lain masa

Anak itik

Anak itik tok wi mandi dalam kolam
Sakit aper tok wi, sakit sendi tulang
Ubat aper tok wi, ubat limau lelah
Sakit aper tok wi, sakit sendi tulang

Di Sini Senang Di Sana Senang

Di sini senang di sana senang
Di mana-mana hatiku senang
Di sini senang di sana senang
Di mana-mana hatiku senang
Lai. lai, lai, lai, lai, lai .

Di Sini Berkumpul

Di sini di sini, kita berkumpul
Di sini di sini, kita berkumpul
Salam, salam, salam, salam, salam, ooi
Here we are, here we are, here we are
again
Here we are, here we are, here we are
again
Hello, hello, hello, hello, hello, ooi
Cai celi, cai celi, woh meh cai celi
Cai celi, cai celi, woh meh cai celi
Huan si, huan si, huan si, huan si, huan si,
ooi
Porengah, porengah, engeh porengah
Porengah, porengah, engeh porengah
Aneh, aneh, aneh, aneh, aneh, ooi

Mandolo

Mandolo mandolo de pa pa le
Mandolo mandolo de pa pa le
Ala tendang, Ala tendang, Ala tendang,
Ala tendang tendang!!
Mandolo mandolo de pa pa le
Mandolo mandolo de pa pa le
Ala hujan, ala hujan, ala hujan, Bocor!!!
Mandolo mandolo de pa pa le
Mandolo mandolo de pa pa le
Ala hujan, ala hujan, ala hujan, basah!!!

Tepi Gunung

Tepi gunung air terjun
Tempat orang bermain
Tempat tinggal tukang kebun
Dan anaknya Mahani

Sungguh cantik rupa Ani
Hidung mancung seludang
Betis bagai bunting padi
Tak jemu mata memandang



Tidur malam mimpi-mimpi
Ani datang ke rumah
Tapi kini sudah pergi
Hati Ani berubah

SIMPULAN DAN IKATAN

Salah satu identiti ahli Pengakap ialah kemahiran menggunakan tali dalam simpulan dan ikatan. Kemahiran ini menjadi ukuran dan penilaian dalam ujian mendapatkan lencana Pengakap. Berikut ditunjukkan beberapa simpulan dan ikatan biasa yang digunakan dan perlu dipelajari oleh setiap ahli Pengakap.

Buku Sila


BUKU SILA (Square / Reef Knot)



- Untuk menyambung dua hujung tali yang sama jenis dan saiz
- Biasanya untuk menyambung tali khemah/bungkusan hadiah/ikatan anduh. Mudah dibuka
- Dikenali juga sebagai '**left over right and right over left**'.

Bunga Geti


BUNGA GETI
(Sheet / Flag / Common Bend)



- Kegunaannya adalah untuk menyambungkan hujung dua tali yang berlainan jenis/berlainan saiz

Simpul Sentak

SIMPUL SENTAK




- Kegunaannya:
 1. Mengikat tali sampan ke tiang jeti
 2. Tidak sesuai digunakan di leher haiwan kerana mudah terjerut

Tindih Kasih**TINDIH KASIH (Bowline)**

(a)




(b)



- Untuk membuat ikatan yang pantas dan tidak boleh menjerut benda/binatang dan sebagainya
- Sesuai digunakan untuk menyelamatkan, mengikat leher binatang dan sebagainya

Simpul Manuk

SIMPUL MANOK (Clove Hitch)




•Simpul manuk biasanya digunakan untuk mengikat benda yang licin seperti kayu, hujung pancang khemah, botol dan sebagainya.

•Ia mudah diikat/disimpulkan dan mudah ditanggalkan/dibuka.

Lilit Dua Simpul

LILIT DUA SIMPUL / SIMPUL BELIT



Satu simpulan mudah tetapi kemas untuk mengikat hujung tali pada mata kail, pancang, pokok dan sebagainya

CARA MENDAPATKAN LENCANA

Dapatkan  Lencana Keahlian	 Lencana Keris Gangsa	 Lencana Keris Perak	 Lencana Keris Emas
WAJIB	KEGEMARAN	PENGETAHUAN	PERKHIDMATAN
 Penunggang Basikal  Abli Renang	 Koleksi Hobi  Kraf Tangan  Peladang Kecil  Pelukis  Pembaca Buku  Penghibur	 Ahli Olahraga  Pasukan Permainan  Ahli Sains  Pecinta Alam Semulajadi  Pembaca Peta  Peneliha Alam Sekitar  Pengenabara	 Pekerja Am  Pengurus Rumah  Penyelamat Nyawa  Pertolongan Cemas
Pilih 1 Sahaja	Pilih 2 Sahaja	Pilih 2 Sahaja	Pilih 2 Sahaja
SYARAT TAMBAHAN ↓ RAMBU 			

[illegible]

The diagram illustrates the components of a Malaysian Police uniform. The uniform consists of a dark blue forage cap with a yellow band and a police emblem. The jacket is grey with a dark blue collar and cuffs. The collar features a red and white striped band. The jacket has several pockets and patches. On the left chest, there is a name tag that reads 'ANWAR' and a patch with the letters 'E'. On the right chest, there is a name tag that reads 'KELANA' and a patch with the letters 'K'. The jacket also features a large, colorful, multi-tiered badge on the left chest, a smaller badge on the right chest, and a patch with the letters 'E' on the left sleeve. The uniform is worn with a dark blue necktie with red and white stripes. The labels point to the following components:

- Forage Cap
- Lencana Pengakap Kelana
- Epolet
- Nama Negeri
- Nama Daerah
- Abjad Pasukan
- Tag Nama (jenis kain)
- Lencana Malaysia
- Nama Kelana
- Bar Pingat Anugerah Bintang/ Pingat
- Lencana Tertinggi Kelana
- Lencana Pengakap Raja (sekiranya telah dianugerahkan dan lulus Pentarafan Pengakap Raja)
- Lencana Keahlian

LENCANA WAJIB

Selain dari lencana keahlian, setiap ahli pengakap wajib memilih salah satu dari dua Lencana Kepandaian iaitu Lencana Penunggang Basikal atau Lencana Ahli Renang.

Lencana Penunggang Basikal



Lencana ini diberi kepada Ahli Pengakap Kanak-kanak sebagai mengakui pengetahuan dan kesungguhan dalam berbasikal dengan mengetahui undang-undang jalanraya, menjaga dan membaiki kerosakan kecil basikal dan mengamalkan peraturan berbasikal yang betul. Ahli yang ingin mendapatkan lencana ini perlulah melakukan perkara-perkara berikut:

1. Menyatakan 4 undang-undang jalanraya semasa berbasikal.
2. Mengetahui dan menyatakan kepada penilai 10 peraturan semasa menunggang basikal.
3. Menunjukkan cara memberi isyarat tangan semasa berbasikal.
4. Menyebutkan 10 perkara yang menyebabkan kemalangan semasa berbasikal.
5. Menjaga basikal seperti membaiki kerosakan kecil dan menjaga kebersihannya.
6. Menunggang basikal dengan diperhatikan oleh Penilai / Pemeriksa mengikut jalan yang ditetapkan dan cukup faham mengenai peraturan jalanraya bagi penunggang basikal dan mengetahui undang-undang jalanraya yang ditetapkan bagi penunggang basikal termasuk penggunaan jalan simpang, bulatan dan lintasan pejalan kaki.

Seterusnya perkara di bawah adalah perlu ada di dalam buku log lencana wajib anda:

1. Undang-undang jalan raya bagi yang berbasikal
2. Peraturan berbasikal
3. Bahagian basikal

4. Perkara yang menyebabkan kemalangan bagi berbasikal
5. Cara membaiki berbasikal
6. Tips berbasikal

Undang-undang Berbasikal

Patuhi semua Undang-Undang Trafik dan Isyarat

1. Apabila menunggang basikal di jalan raya, kita MESTI mematuhi undang-undang lalu lintas; tanda-tanda dan isyarat trafik.
2. JANGAN menunggang mengikut arah yang bertentangan dengan lalu lintas. Ia adalah perbuatan yang berbahaya dan menyalahi undang-undang.
3. Sekiranya menunggang di lorong pejalan kaki; patuhi semua papan tanda dan isyarat pejalan kaki. Apabila menghampiri pejalan kaki dari belakang, perlahankan basikal dan beri isyarat yang boleh didengari bagi member amaran kepada mereka tentang kehadiran kamu sebelum melintasi mereka.


Peraturan Berbasikal

1. Pastikan basikal dalam keadaan yang baik dan selamat.
2. Pakai topi keselamatan dengan cara yang betul dan bersesuaian dengan saiz kepala.
3. Pakai kasut yang sesuai.
4. Elakkan dari memakai seluar yang besar dan labuh di bahagian bawah.
5. Guna isyarat tangan yang betul.
6. Pastikan tiada kenderaan di kiri dan kanan sebelum menukar haluan.
7. Elakkan dari menunggang basikal semasa hujan.
8. Gunakan jaket pantul cahaya pada waktu malam.
9. Patuhi peraturan dan papan tanda isyarat jalan raya.
10. Jangan bersaing atau berlumba semasa menunggang basikal.

Peraturan-peraturan Semasa Menunggang Basikal

1. Sebelum menunggang basikal, pastikan brek, lampu hadapan, lampu merah belakang dan loceng boleh digunakan.
2. Sebelum belok basikal ke kanan atau ke kiri, atau ke belakang, hendaklah memandang ke belakang, dan kemudian beri isyarat.
3. Jika tunggang ramai-ramai, tunggang dalam satu baris.
4. Guna lorong basikal, jika ada.
5. Kedua-dua tangan mesti pegang pemegang (hendal) dan kaki pada pengayuh basikal (pedal).
6. Fahami dan ingat isyarat jalan raya. Apabila berhenti, gunakan brek belakang, perlahan, dan brek hadapan kemudiannya.
7. Beri jalan kepada kenderaan yang besar dan patuh pada isyarat lalu lintas.
8. Sentiasa menunggang basikal di sebelah kiri jalan.

Bahagian basikal



Perkara-perkara Yang Menyebabkan Kemalangan Semasa Berbasikal

1. Basikal Tidak Sempurna - Misalnya brek, lampu, dan sebagainya, tidak boleh berfungsi.
2. Tidak Memberi Isyarat semasa memulakan tunggangan, sewaktu membelok atau memberhenti basikal.
3. Membawa Penumpang yang menggangguimbangan.
4. Jarak yang tidak sesuai.
5. Jalan raya yang sibuk dan sempit.
6. Membawa haiwan.
7. Bergurau atau bercakap-cakap.
8. Memotong atau melintasi celah-celah kenderaan lain.
9. Saiz basikal tidak sesuai.
10. Pemegang (hendal) dan tempat duduknya tidak sesuai

Lencana Ahli Renang



Lencana ini diberi kepada Ahli Pengakap Kanak-kanak sebagai mengakui pengetahuan dan kesungguhan dalam berenang dengan mengetahui peraturan keselamatan di air, kemahiran keselamatan diri, menunjukkan pelbagai kaedah berenang seperti kuak lentang, kuak kupu-kupu, gaya bebas dan mengapar menimbulkan diri (mushroom float). Ahli pengakap yang ingin mengambil lencana ini perlulah mengetahui perkara-perkara berikut:

1. Menunjukkan cara memulakan berenang dan kemahiran keselamatan diri kepada Penilai / Pemeriksa cara turun di air, cara timbul tenggelam, cara tarik dan hembus nafas, menahan nafas (teori) ATAU
2. Cara junam, terjun kaki lurus / junam depan layang (teori)
3. Cara luncur, meniarap, tendang keribas, cara gaya rangkak tangan dilutut / tangan di atas kepala; gerak tangan, tendang rejang, meniarap, rangkaian meniarap (teori)
4. Berenang dengan tidak berhenti-henti sejauh 20 meter dengan berpakaian seragam pengakap kanak-kanak yang lengkap (di dalam air aras pinggang)
5. Berenang mengapar menimbulkan diri (Mushroom Float).
6. Berenang menyeberang dengan cara terlungkup, terlentang, dengan berbagai cara / gaya biasa. Apabila sampai separuh jalan ke jalan yang dituju berbalik semula menghabiskan renangnya dengan gaya yang sama
7. Mengetahui cara mengendalikan jaket keselamatan di air.

Peralatan Renang

Peralatan asas berenang yang diperlukan adalah baju renang, topi, kicking board dan goggle. Bagi kemudahan asas pengajaran berenang pula, kolam renang diperlukan.

Keselamatan Renang

Ahli perlu faham tentang keselamatan semasa di dalam dan berhampiran dengan air. Ahli juga perlu bersedia bertindak ketika berdepan dengan situasi merbahaya. Kaedah bantu mula - memastikan bahaya yang berlaku dapat dikurangkan seperti kelemasan. Kaedah CPR - kaedah yang terbaik untuk memberi bantuan awal sekiranya ada individu yang lemas dalam air.

Semasa di dalam air, ahli perlu mematuhi beberapa peraturan seperti:

1. Sentiasa diawasi orang dewasa / guru - yang mengajar renang yang boleh berenang dan mahir dalam memberi bantu mula bersama anda.
2. Bertenang - jika menghadapi masalah di dalam air, pusingkan badan supaya anda berada dalam keadaan terlentang, dan jika ternampak seseorang,
3. Lambaikan tangan - untuk menarik perhatian. Cara lain ialah dengan meletakkan tangan anda di dalam air.
4. Dilarang berenang - pada masa sejam selepas anda memakan makanan berat.
5. Jika berasa sejuk dan letih ketika berada di dalam air, segera keluar dari kolam.
6. Pakai pakaian renang yang sesuai untuk menjalankan aktiviti renang.
7. Patuhi arahan guru.

Kemahiran Asas Dalam Air

Ahli Renang perlu mempunyai kemahiran asas dalam air. Dia perlu mempunyai keyakinan yang tinggi ketika berada di dalam air. Antara aktiviti yang boleh dilakukan untuk keyakinan dalam air adalah seperti berikut:

1. Masuk ke dalam air
2. Berjalan dan mengimbangkan diri di dalam air
3. Memasukkan kepala ke dalam air
4. Mengapungkan diri di dalam air dengan sokongan.

Ahli renang juga perlu mempunyai kemahiran asas menyelamatkan mangsa lemas. Antaranya adalah menggunakan kaedah CPR (cardiopulmonary resuscitation) atau pernafasan mulut ke mulut.

Memulakan Belajar Renang

Kebanyakan orang yang belum pernah masuk ke dalam kolam renang biasanya akan menjadi takut/cemas ketika berada di dalam kolam atau air lebih-lebih lagi jika dia pernah mengalami trauma dengan air. Oleh itu, sebaiknya mereka masuk ke kolam yang cetek terlebih dahulu sebelum beralih ke kolam yang lebih dalam apabila mula yakin dengan air.

Kemudian, belajar cara bernafas di dalam air dengan cara menarik nafas dalam-dalam. Memasukkan kepala ke dalam air dan lepaskan nafas melalui hidung ketika kepala masih di dalam air. Setelah itu, naikkan kepala ke atas air sambil membuka mulut untuk mengambil nafas. Lakukan cara tersebut berulang-ulang sehingga merasa biasa dan tidak takut memasukkan kepala ke dalam air. Dia juga boleh belajar melompat dari pinggir kolam ke dalam kolam renang bagi mengurangi rasa takut dengan air dan berasa seronok untuk bermain-main dengan air.

Bagi mempelajari cara mengapungkan badan di atas permukaan air, dia perlu perlahan-lahan mengapungkan tubuhnya di atas permukaan air. Dengan posisi, wajah dan pandangan mata menghadap ke lantai kolam renang sambil menahan nafas (dilakukan dengan keadaan santai).

Selain itu, dia perlu belajar cara meluncur di atas permukaan air. Setelah boleh mengapungkan badan di atas permukaan air, tahap berikutnya adalah meluncur dengan cara mengapungkan badan di atas permukaan air, kemudian gerakkan kaki naik turun seperti orang yang sedang berjalan (tapi antara paha dan kaki tetap lurus).

Terdapat pelbagai gaya renang yang boleh dipelajari. Antaranya adalah kuak lentang, gaya bebas, dan kuak kupu-kupu.


LENCANA KERIS GANGSA

Kesetiaan

1. Menyanyi lagu Kebangsaan

Negaraku
 Tanah tumpahnya darahku
 Rakyat hidup bersatu dan maju
 Rahmat bahagia
 Tuhan kurniakan
 Raja kita selamat bertakhta
 Rahmat bahagia
 Tuhan kurniakan
 Raja kita selamat bertakhta

2. Mengenal Bendera Malaysia




Terdapat 14 jalur merah dan putih melintang yang sama lebar bermula dengan jalur merah di sebelah atas dan berakhir dengan jalur putih di sebelah bawah. Jalur-jalur ini menandakan keanggotaan 13 buah negeri dan sebuah Wilayah Persekutuan iaitu Kedah, Pahang, Kelantan, Johor, Perak, Perlis, Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu, Sarawak, Pulau Pinang, Sabah, Melaka dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya).

Warna merah pada jalur membawa makna gagah berani dan warna putih pula membawa makna suci murni. Warna kuning yang digunakan pada bulan dan bintang adalah warna Diraja yang melambangkan Raja-Raja Melayu. Gabungan tiga warna utama iaitu merah, putih dan biru melambangkan setia kawan Persekutuan Tanah Melayu dan United Kingdom dan penyatuan Tanah Melayu dengan Negara-negara Komanwel.

3. Menyanyi lagu Negeri Selangor

Duli Yang Maha Mulia
 Selamat di atas takhta
 Allah lanjutkan usia tuanku
 Rakyat mohon restu
 Bawah duli tuanku
 Bahagia selama-lamanya
 Aman dan sentosa
 Duli Yang Maha Mulia

4. Mengenal Bendera Negeri Selangor



Bendera Negeri Selangor telah direkabentuk semasa Sultan Selangor yang keempat, Sultan Abdul Samad (1859-1898). Satu per empat bahagian bendera terdiri daripada warna kuning dan merah, manakala logo Negeri Selangor dan bintang memberi erti negeri Islam dan lima pegangan utama. Kuning juga adalah melambangkan warna DiRaja. Lima bucu bintang membawa erti mengucap dua kalimah syahadat, solat lima waktu sehari semalam, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan ramadan dan mengerjakan haji di Baitullah.

5. Mengetahui Lambang Pengakap Malaysia dan Pengakap Sedunia
6. Mengetahui Cogankata PKK, Persetiaan Pengakap dan Undang-undang Pengakap
7. Mengulangi kefahaman hormat Pengakap
8. Mengenal nama Guru Besar, Pemimpin serta Penolong Pengakap Kanak-kanak kumpulannya
9. Mengetahui agama-agama di Malaysia serta tempat beribadatnya
10. Mengetahui nilai-nilai ibadat bagi agama masing-masing.

Kesihatan dan Keselamatan

1. Mengetahui kepentingan kesihatan dan kebersihan badan
2. Mengetahui cara membersihkan bilik mandi, tandas dan tempat pembuangan sampah
3. Mengetahui kepentingan memakai kasut dan selipar
4. Mengetahui bahaya pil dan gula-gula
5. Mengenali penyakit kulit berjangkit
6. Mengetahui bahaya benda tajam
7. Mengetahui bahaya bahan letupan
8. Mengetahui bagaimana mendapatkan bantuan orang dewasa atau mana-mana institusi keselamatan
9. Mengetahui peraturan pejalan kaki
10. Mengetahui sebab utama berlakunya kemalangan jalan raya dan cara mengawal keselamatan jalan raya
11. Mengenal isi peti pertolongan cemas

Kecekapan

1. Mengetahui asas perbarisan
2. Mengetahui kemahiran asas bagi permainan berpasukan
3. Mengetahui cara mengekalkan kesegaran fizikal
4. Mengetahui cara menggunakan pisau kecil
5. Mengetahui kedudukan tempat-tempat awam di kawasan seperti perhentian bas, hospital dan sebagainya serta dapat menunjukkannya kepada orang awam.
6. Menunjukkan cara yang betul memakai pakaian seragam pengakap
7. Mengetahui segala isyarat pengakap
8. Mengetahui cara mengikat tali kasut dan simpul buku sila

Penyertaan

1. Mengetahui tentang perkumuhan manusia, haiwan dan tumbuhan
2. Memelihara binatang/haiwan
3. Membaca buku pemeliharaan haiwan

4. Menjadi ahli pusat sumber, membaca sekurang-kurangnya lima buah buku dan menceritakannya semula kepada pkk yang lain, mengetahui cara menyampul buku.
5. Mengetahui cara membuat barang permainan
6. Menyertai persembahan di sekolah
7. Boleh berlakon dalam satu lakonan bisu atau pantomin
8. Membuat muzium mini di rumah hasil kutipan hobinya
9. Membuka akaun simpanan wang

Perkhidmatan

1. Membantu ibu bapa di rumah
2. Mengadakan lawatan ke rumah anak yatim dan sebagainya
3. Melaporkan satu peristiwa
4. Menceritakan tentang pelaksanaan undang-undang di sekolahnya
5. Mengadakan khidmat kemasyarakatan
6. Mengadakan sebuah buku log mingguan tentang aktiviti khidmat masyarakatnya

Kegemaran

(Dapatkan dua daripada kategori ini)

1. Ahli koleksi hobi
2. Ahli kraftangan
3. Peladang kecil
4. Pelukis
5. Pembaca buku
6. Penghibur

Pengesahan Lencana Keahlian Pengakap

Nama ahli : _____

No KP : _____

BIL	PERKARA	TELAH DITULIS DALAM BUKU LOG (✓)	TELAH DIUJI (✓)
1	BIODATA DIRI		
2	LAMBANG PENGAKAP MALAYSIA		
3	LAMBANG PENGAKAP SEDUNIA		
4	PERSETIAAN PENGAKAP		
5	UNDANG-UNDANG PENGAKAP		
6	TABIK DAN HORMAT PENGAKAP		
7	COGANKATA PENGAKAP		
8	SEJARAH PERGERAKAN PENGAKAP		
9	CERITA HUTAN		
10			
11			
12			

Adalah dengan ini disahkan bahawa pengakap tersebut di atas telah lulus semua ujian yang diperuntukkan dan memenuhi segala kehendak sebagaimana ketetapan dalam Undang-undnag Persekutuan Pengakap Malaysia. Beliau telah layak memakai lencana ini.

Tarikh Lulus: _____



(_____)
Tandatangan Pemimpin Pengakap Kanak-kanak

Pengesahan Lencana Kepandaian Pengakap

Nama ahli : _____

No KP : _____

Adalah dengan ini disahkan bahawa pengakap tersebut di atas telah lulus semua ujian yang diperuntukkan dan memenuhi segala kehendak sebagaimana ketetapan dalam Undang-undang Persekutuan Pengakap Malaysia. Beliau telah layak memakai lencana PENUNGGANG BERBASIKAL / AHLI RENANG (potong salah satu).

Tarikh Lulus: _____

()

Tandatangan Pemimpin Pengakap Kanak-kanak



ATAU



Senarai semak modul Pengakap KERIS GANGSA

(a) Kesetiaan	Tarikh	Dilulus oleh
1. Menyanyi lagu Negaraku		
2. Mengenal bendera Malaysia dan bendera negeri		
3. Lambang dan Cogan Kata Pengakap		
4. Pengertia Rukun Negara		
5. Ketua Negara dan ketua negeri		
6. Persetiaan dan undang-undang Pengakap		
7. Hormat, isyarat dan salam Pengakap		
8. Mengenal nama penuh pemimpin Pengakap dan lain-lain		
9. Sejarah perkembangan kumpulan di sekolah		
10. Mengetahui tempat ibadat		
11. Nilai-nilai beribadat		

(b) Kesihatan dan Keselamatan	Tarikh	Dilulus oleh
1. Kesihatan dan kebersihan badan		
2. Kebersihan tandas, pembuangan sampah dan sumber minuman		
3. Memakai kasut dan selipar		
4. Bahaya pil dan gula-gula		
5. Penyakit kulit		
6. Bahaya benda tajam		
7. Bahaya bahan letupan		
8. Bantuan orang dewasa		
9. Peraturan pejalan kaki		
10. Keselamatan jalan raya		
11. Peti pertolongan cemas		

(c) Kecekapan	Tarikh	Dilulus oleh
1. Asas perbarisan		
2. Permainan berpasukan		
3. Mengekalkan kesegaran fizikal		
4. Menggunakan pisau kecil		
5. Perhubungan awam		
6. Pakaian seragam Pengakap		
7. Isyarat Pengakap		
8. Simpul buku sila		

(d) Penyertaan	Tarikh	Dilulus oleh
1. Perkumuhan manusia, haiwan dan tumbuhan		
2. Memelihara binatang/haiwan		
3. Membaca buku pemeliharaan haiwan		
4. Pusat sumber		
5. Membuat barang permainan		
6. Persembahan di sekolah		
7. Lakonan bisu		
8. Muzium mini di rumah		
9. Membuka akaun simpanan wang		

(e) Perkhidmatan	Tarikh	Dilulus oleh
1. Membantu ibu bapa di rumah		
2. Lawatan		
3. Melaporkan satu peristiwa		
4. Perlaksanaan undang-undang sekolah		
5. Khidmat kemasyarakatan		
6. Buku Log Mingguan		

Lencana Kegemaran (Dapatkan dua daripada kategori ini)	Tarikh	Dilulus oleh
1. Ahli koleksi hobi		
2. Ahli kraftangan		
3. Peladang kecil		
4. Pelukis		
5. Pembaca buku		
6. Penghibur		

Pengesahan Lencana Keris Gangsa

Nama ahli : _____

No KP : _____

Adalah dengan ini disahkan bahawa pengakap tersebut di atas telah lulus semua ujian yang diperuntukkan dan memenuhi segala kehendak sebagaimana ketetapan dalam Undang-undang Persekutuan Pengakap Malaysia. Beliau telah layak memakai lencana KERIS GANGSA.

Tarikh Lulus: _____

()

Tandatangan Pemimpin Pengakap Kanak-kanak



Pengesahan Lencana Kegemaran

Nama ahli : _____

No KP : _____

Adalah dengan ini disahkan bahawa pengakap tersebut di atas telah lulus semua ujian yang diperuntukkan dan memenuhi segala kehendak sebagaimana ketetapan dalam Undang-undang Persekutuan Pengakap Malaysia. Beliau telah layak memakai lencana **AHLI KOLEKSI HOBI**.

Tarikh Lulus: _____



()

Tandatangan Pemimpin Pengakap Kanak-kanak

Pengesahan Lencana Kegemaran

Nama ahli : _____

No KP : _____

Adalah dengan ini disahkan bahawa pengakap tersebut di atas telah lulus semua ujian yang diperuntukkan dan memenuhi segala kehendak sebagaimana ketetapan dalam Undang-undang Persekutuan Pengakap Malaysia. Beliau telah layak memakai lencana **AHLI KRAFTANGAN**.

Tarikh Lulus: _____



()

Tandatangan Pemimpin Pengakap Kanak-kanak

Pengesahan Lencana Kegemaran

Nama ahli : _____

No KP : _____

Adalah dengan ini disahkan bahawa pengakap tersebut di atas telah lulus semua ujian yang diperuntukkan dan memenuhi segala kehendak sebagaimana ketetapan dalam Undang-undang Persekutuan Pengakap Malaysia. Beliau telah layak memakai lencana **PELADANG KECIL**.

Tarikh Lulus: _____



()

Tandatangan Pemimpin Pengakap Kanak-kanak

Pengesahan Lencana Kegemaran

Nama ahli : _____

No KP : _____

Adalah dengan ini disahkan bahawa pengakap tersebut di atas telah lulus semua ujian yang diperuntukkan dan memenuhi segala kehendak sebagaimana ketetapan dalam Undang-undang Persekutuan Pengakap Malaysia. Beliau telah layak memakai lencana **PELUKIS**.

Tarikh Lulus: _____



(_____)

Tandatangan Pemimpin Pengakap Kanak-kanak

Pengesahan Lencana Kegemaran

Nama ahli : _____

No KP : _____

Adalah dengan ini disahkan bahawa pengakap tersebut di atas telah lulus semua ujian yang diperuntukkan dan memenuhi segala kehendak sebagaimana ketetapan dalam Undang-undang Persekutuan Pengakap Malaysia. Beliau telah layak memakai lencana **PEMBACA BUKU**.

Tarikh Lulus: _____



(_____)

Tandatangan Pemimpin Pengakap Kanak-kanak

Pengesahan Lencana Kegemaran

Nama ahli : _____

No KP : _____

Adalah dengan ini disahkan bahawa pengakap tersebut di atas telah lulus semua ujian yang diperuntukkan dan memenuhi segala kehendak sebagaimana ketetapan dalam Undang-undang Persekutuan Pengakap Malaysia. Beliau telah layak memakai lencana **PENGHIBUR**.

Tarikh Lulus:

()

Tandatangan Pemimpin Pengakap Kanak-kanak

